

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**HKN 206 – Kesusasteraan Bercorak Islam di Nusantara**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. **Hikayat Nur Muhammad** dikatakan sebuah karya bercorak Islam yang memancarkan fahaman ahli-ahli Sufi tentang kewujudan tingkat-tingkat alam transenden. Bincangkan.
2. Berikan pengertian dan fungsi nazam. Kemudian buktikan sejauhmanakah tema-tema yang diutarakan dalam **Nazam Maulud Jawi (Kanz al-Ula)** tidak hanya sekadar mempersembahkan kisah-kisah dan riwayat hidup Nabi Muhammad s.a.w.?
3. Pada pandangan anda mengapakah dikatakan **Hikayat Maharaja Ali** sebuah karya berbingkai yang menyimpang daripada pengertian umum cerita berbingkai? Kemudian dengan hujah yang kritis perlihatkan bagaimana tema-tema literal dalam hikayat ini dapat difahami secara simbolik.
4. Semasa hayatnya Sultan Iskandar Thani telah membina sebuah taman yang dinamakan Taman Ghairah sebagai mercu tanda kerajaan Aceh yang dianggap sebuah pusat penyebaran dan rujukan Islam di abad ke-17. Dengan merujuk kepada unsur-unsur, objek-objek tertentu, flora dan fauna, nilaikan secara kritis gambaran-gambaran yang dibuat oleh Nuruddin mengenai taman tersebut seperti yang dapat dilihat menerusi karyanya **Bustanul Salatin**.
5. Walaupun **Sja'ir Perang Mengkasar** berkisar di sekitar peperangan di antara Sultan Hasanuddin dengan Colonis Janszoon Speelman yang ditampilkan melalui sudut pandangan Entji' Amin seorang setiausaha diraja, namun C. Skinner berpendapat Entji' Amin telah mempelopori satu konvensi baru dalam penulisan bercorak Islam khususnya di bahagian *exordium*. Berdasarkan pernyataan di atas, jawab soalan-soalan berikut:
  - [a] Jelaskan pandangan C. Skinner mengenai gaya penulisan Entji'Amin itu. Fokuskan perbincangan anda di bahagian *exordium*.
  - [b] Dengan merujuk kepada ragam bahasa, jelaskan sejauhmanakah Entji' Amin bersifat saksama dalam menggambarkan suasana perang tersebut?

6. Secara umumnya, karya **Ruba'i Hamzah Fansuri**, karangan Hamzah Fansuri lebih cenderung kepada pengutaraan pengalaman peribadi dan pemikiran beliau tentang ajaran *Wahdatul- Wujud*. Dengan merujuk kepada daksi, simbol dan imej-imej tertentu, bincangkan pernyataan ini.
7. Kitab kecil **Jala 'al Qulub Bidhikri'llah** karangan Tuan Tabal menjelaskan tentang konsep kalbu sebagai Baitullah dan konsep insan sebagai *al-insan al-kamil*. Berdasarkan pernyataan tersebut dan dengan merujuk kepada ciri-ciri karya bercorak Islam, berikan pandangan kritis anda sejauh manakah kitab ini boleh diterima sebagai sebuah genre sastera yang ditulis mengikut konvensi Islam?

- ooo 0 ooo -